



**UCAPTAMA**

**YBHG. TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL  
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

**SEMPENA**

**WACANA TRANSFORMASI KEPIMPINAN MUDA**

**“MERAPATKAN JURANG GENERASI DALAM  
KOMUNITI”**

**18 MAC 2014 (SELASA), 9.00 PAGI  
DEWAN JEMERLANG, IKWAS**

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Transformasi dan Salam “1Malaysia: Rakyat  
Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.**

**Yang Berbahagia Dato' Seri Zainal Rahim bin  
Seman**  
**Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
(Operasi)**

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Mazlan Yusoff  
Pengarah INTAN**

**Encik Azani Bin Salleh**  
**Pengarah INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS)**

**Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-  
tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian.**

**Saya memulakan Ucaptama ini dengan mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang penuh berbahagia ini bersempena dengan Wacana Transformasi Kepimpinan Muda.**

**2. Majlis yang diadakan pada hari ini adalah sangat istimewa. Ini kerana buat pertama kalinya Wacana Transformasi Kepimpinan Muda ini dianjurkan di INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS) di Kluang. Ia mencerminkan iltizam yang tinggi oleh Kerajaan dalam usaha untuk menjajarkan dasar-dasar Kerajaan sehingga kepada pelbagai peringkat komuniti. Momentum transformasi ini diteruskan melalui pendekatan “Merakyatkan Perkhidmatan Awam” sebagaimana yang digagaskan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara yang merupakan anak kelahiran Kluang.**

**3. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada INTAN dan semua pihak yang terlibat di atas kerjasama dan komitmen tinggi yang telah diberikan bagi menganjurkan majlis ini. Wacana pada kali ini adalah kesinambungan kepada kejayaan penganjuran Persidangan Transformasi Kepimpinan Muad pada bulan Januari yang lalu di INTAN, Bukit Kiara.**

**4. Saya berasa amat berbangga apabila dimaklumkan bahawa para peserta wacana ini bukan sahaja terdiri dalam kalangan penjawat awam dari Wilayah Selatan iaitu Johor, Melaka dan Negeri Sembilan malah terdapat juga penyertaan daripada pihak swasta, komuniti setempat serta Badan-Badan NGO. Syabas saya ucapkan kepada semua peserta yang sudi hadir ke wacana ini.**

**MEMBANGUNKAN            BELIA            BERWAWASAN:**  
**CABARAN MASA HADAPAN NEGARA**

**Hadirin yang saya kasihi sekalian,**

**5. Pepatah Melayu ada menyebut “Pemuda Harapan Bangsa, Pemudi Tiang Negara”. Pepatah ini jelas menggambarkan bahawa para belia adalah waris kepimpinan negara dan mereka lah yang bakal mewarnai corak peradaban bangsa pada masa hadapan. Profesor Dr. Yusuf Al-Qardhawi pernah mengatakan:**

**“Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda pada hari ini adalah dalam kalangan yang berakhhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita pada masa hadapan menjadi sebuah negara yang aman makmur. Tetapi jika**

**keadaan adalah sebaliknya, maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku kelak”.**

**6. Sesungguhnya tanggungjawab kepimpinan muda pada hari ini amatlah besar. Golongan belia memainkan peranan yang amat penting dalam mencorak dan melonjakkan arus pembangunan serta kemajuan negara ke satu tahap yang boleh dibanggakan pada masa akan datang. Melalui ilmu dan kepakaran yang ada, kepimpinan muda akan dapat menentukan nasib tanah air kita yang tercinta.**

**7. Jika kita mengimbas kembali zaman kegemilangan tamadun Islam, ramai antara tokoh-tokoh belia yang boleh kita jadikan sebagai role-model. Salah seorang daripadanya ialah Usamah Bin Zaid. Tatkala anak muda begelumang dengan keenakan zaman muda, beliau yang ketika itu**

**berusia 18 tahun telah dilantik menjadi panglima perang dan mengetuai angkatan tentera Islam menentang tentera Roman di Syam.**

**8. Begitu juga semasa pengembangan Islam di Mekah dan Madinah. Golongan muda seperti Saidina Osman bin Affan, Saidina Ali bin Abi Talib, Abdul Rahman bin Auf dan ramai lagi para sahabat Rasulullah S.A.W. yang pada ketika itu berusia kurang daripada 40 tahun telah menjadi pelopor dan penggerak kepada kebangkitan syariah Islam.**

**9. Meneladani kesungguhan serta kewibawaan tokoh-tokoh Islam tersebut, kepimpinan muda pada hari ini perlu sentiasa berusaha untuk memperteguh jati diri, memperkasakan ilmu, menerapkan nilai dan akhlak yang mulia serta mengamalkan amalan kerohanian yang mantap bagi mendepani persekitaran yang semakin mencabar.**

**Hadirin yang saya kasihi sekalian,**

**10. Sesungguhnya, generasi yang ada pada hari ini terdiri daripada 3 generasi berbeza iaitu Baby Boomers, Generasi X dan Generasi Y yang mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri. Justeru itu, adalah sangat penting untuk generasi-generasi ini saling melengkapi supaya ia dapat memberi impak yang signifikan kepada pencapaian produktiviti bagi sebuah organisasi.**

**11. Saya ada membaca satu kertas kerja bertajuk “Understanding Generation Y: What You Need to Know About the Millennials” yang menyatakan bahawa Generasi Y lahir dalam lingkungan tahun 1970 hingga 1990-an dengan populasi seramai kira-kira 80 juta orang di seluruh dunia, dilihat sebagai satu golongan yang mempunyai potensi besar dalam membentuk corak sosio-ekonomi dalam sebuah negara. Generasi Y bukan sahaja**

**komited terhadap kerja malah mereka akan menetapkan sasaran kepada setiap perkara yang hendak dilaksanakan agar impak keberkesanannya dapat dinilai dan dirasai.**

**12. Menurutnya lagi, “Gen-Yers are not simply looking for their employers to show they care. They are ‘walking the walk’ and volunteering at record rates”. Generasi Y juga sangat mementingkan hubungan kekeluargaan dan menyumbang peranan yang sangat besar terhadap aktiviti sukarelawan.**

**13. Sebenarnya, sifat dan keinginan yang dibawa oleh pemimpin muda generasi milenia ini mampu untuk menjana perubahan yang positif dan tangkas dalam apa juu perkara dalam mencapai matlamat yang ditetapkan. Manakala Generasi Baby Boomers mempunyai kebijaksanaan atau wisdom yang lahir daripada ilmu dan usia pengalaman.**

**Namun begitu, mereka akan meninggalkan dunia pekerjaan menjelang 2020. Dalam konteks landskap di negara kita pula, jumlah tenaga kerja dikuasai oleh Generasi X dan Generasi Y. Mereka merupakan komposisi tenaga kerja terbesar iaitu sebanyak 7.3 juta orang berbanding Baby Boomers yang hanya sebanyak 3.3 juta orang.**

**14. Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia pula, 72.7 peratus daripada penjawat awam terdiri daripada Generasi X dan Generasi Y berbanding Baby Boomers sebanyak 27.3 peratus. Justeru itu, generasi muda ini mempunyai peranan yang besar untuk menentukan bagaimana negara ini ditadbir dan diuruskan pada masa hadapan. Maju mundur Malaysia adalah terletak di bahu golongan ini.**

## **TRANSFORMASI DAN INOVASI KEPIMPINAN MUDA**

**15. Cabaran global serta peningkatan ekspektasi rakyat menuntut lakaran usaha yang lebih strategik. Untuk itu, Perkhidmatan Awam perlu sentiasa mengambil inisiatif mencorak dan melaksanakan penyampaian perkhidmatan yang berinovatif, berprestasi tinggi, berdinamik, berintegriti dan berjiwa rakyat. Matlamat ini akan dapat dicapai melalui Kerangka Kerja Transformasi Perkhidmatan Awam/JPA yang merangkumi 5 teras strategik utama iaitu:**

- i. Mendaya Upaya Bakat**
- ii. Merekayasa Organisasi**
- iii. Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan**
- iv. Merangkum dan Sepunya**
- v. Membudaya Nilai**

**16. Kerangka Kerja Transformasi ini akan menyumbang kepada pembangunan kepimpinan muda di semua lapisan dan bertindak sebagai pelapis kepimpinan masa hadapan.**

**Hadirin yang saya kasihi sekalian,**

**17. Menyebut tentang kepimpinan muda pada hari ini, sudah pasti minda kita tidak akan terlepas untuk memperkatakan tentang Inovasi. Hari ini, inovasi menjadi begitu penting dan kritikal dalam menentukan tahap kemajuan dan pembangunan bagi sesebuah ketamadunan. Kejayaan sesebuah organisasi juga banyak bergantung kepada kepimpinan yang bersifat kreatif dan inovatif.**

**18. Usia yang muda bukanlah satu penghalang untuk menjadi seorang pemimpin yang berjaya. Di Thailand, seorang pemudanya berjaya menjadi billionaire pada usia 26 tahun. Bermula dengan**

**menjual kacang secara kecil-kecilan di jalanan, pemuda tersebut, Top Aitthipat telah berjaya mencipta sejenis snek rumpai laut yang dinamakan Tao Kae Noi dan dipasarkan di 3 ribu cawangan 7-Eleven di Thailand. Pada hari ini, syarikat yang diusahakan oleh anak muda tersebut mempunyai 2 ribu orang pekerja dengan jumlah pendapatan sebanyak 800 juta Thai Baht (kira-kira RM80 juta) setahun.**

**19. Kejayaan demi kejayaan yang dikehendaki oleh syarikat yang diusahakan oleh Top Aitthipat merupakan hasil pendekatan inovasi, yang telah meletakkannya untuk disenarai sebagai salah seorang jutawan muda sebaris dengan Mark Zurkerberg, Sergey Brin dan Larry Page.**

**20. Begitu juga dengan dua orang anak muda lepasan University of California, Nikhil Arora dan Alejandro Velez, pengasas syarikat Back To The**

**Roots yang telah berjaya mengedar dan memasarkan cendawan organik ke lebih seribu peruncit di seluruh Amerika Syarikat. Mereka mendapat ilham untuk membiakkan cendawan secara organik dengan menggunakan sisa buangan serbuk kopi yang tidak diperlukan lagi. Kejayaan-kejayaan seperti ini telah membuktikan bahawa “age really is just a number and that anything is possible”.**

## **MENERUSKAN MOMENTUM TRANSFORMASI: PERKHIDMATAN AWAM DARI PERSPEKTIF DUNIA**

**Hadirin yang saya kasihi sekalian,**

**21. Pakar ekonomi, Daron Acemoglu dari Massachusetts Institute of Technology (MIT) dan James A. Robinson dari Harvard University dalam buku mereka yang bertajuk “Why Nations Fail: The Origins of Power, Prosperity and Poverty” telah**

**membuat beberapa rumusan ke atas persoalan mengapa terdapat perbezaan ketara dalam pembangunan bagi sesebuah negara walaupun mempunyai hasil bumi dan kedudukan geografi yang hampir sama.**

**22. Berdasarkan kajian yang dijalankan selama 15 tahun oleh Acemoglu dan Robinson, mereka menyatakan bahawa kemajuan bagi sesebuah negara bergantung kepada kepimpinan yang telus seiring dengan pengurusan ekonomi yang berkesan. Antara contoh yang diberikan adalah bagaimana negara homogen seperti Korea Utara dan Korea Selatan walaupun mempunyai sumber bumi yang hampir sama tapi pencapaian ekonomi adalah jauh berbeza. Ini dapat dilihat daripada status kedudukan rakyat kedua-dua buah negara. Majoriti rakyat Korea Utara dikategorikan sebagai sederhana sedangkan rakyat Korea Selatan pula adalah antara yang terkaya di dunia.**

**23. Kerajaan Korea Selatan menekankan konsep akauntabiliti dan responsif di mana rakyat dilibatkan dalam setiap peluang ekonomi. Tadbir urus yang baik oleh pemimpin yang membudayakan integriti tanpa menidak dan mengenepikan kehendak rakyat telah memberi kesan yang positif ke atas ekonomi negara berkenaan.**

**24. Contoh yang lain adalah Singapura yang merupakan antara 5 negara teratas yang disenaraikan oleh Transparency International's Global Corruption Perception Index (CPI) pada tahun 2013 sebagai negara bebas rasuah. Singapura yang berpegang teguh dengan budaya "good governance" telah menggariskan 4 prinsip yang melibatkan rakyat mereka. Ini bertujuan bagi memastikan kemajuan dan keamanan negara dapat terus dikecapi. Prinsip-prinsip tersebut adalah:**

- i. Pertama, “Leadership is Key”. Prinsip ini memastikan pemimpin yang telah diberi kepercayaan rakyat untuk melaksanakan “what is right, and not necessarily what is popular”. Oleh itu, dasar dan polisi yang dirancang dan dilaksanakan sentiasa telus, difahami dan dipersetujui oleh rakyat.**
- ii. Kedua ialah “Anticipate Change and Stay Relevant”. Perkhidmatan Awam sebagai peneraju kepimpinan negara perlu sentiasa meramal atau menganalisis perkara-perkara yang berkemungkinan terjadi pada masa hadapan. Beberapa penyelesaian alternatif bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan negara perlu disediakan.**
- iii. Ketiga, “Reward for Work and Work for Reward. Prinsip yang diamalkan oleh**

**Kerajaan Singapura ini merupakan salah satu cara untuk mengekalkan (retain) generasi-generasi muda yang berbakat dan mempunyai ilmu serta kemahiran untuk disumbangkan kepada pembangunan negara.**

**iv. Keempat ialah “A Stake for Everyone and Opportunities for All”. Matlamat akhir sesebuah negara maju bukan hanya untuk meningkatkan taraf hidup warganya. Malah turut memupuk budaya patriotisme dan semangat cintakan negara.**

**25. Mencontohi pendekatan ini, kepimpinan muda di negara kita hendaklah memperlengkapkan diri untuk menjadi thinkers, planners dan implementers yang berintegriti dalam menggubal, melaksana dan memantau dasar serta polisi kerajaan dengan mengambil kira ekspektasi dan kehendak rakyat.**

**26. Sebagai pemimpin pada masa hadapan, pemimpin muda juga mesti berpegang teguh dengan penuh kesetiaan kepada negara tanpa berbelah bahagi. Jangan berlaku khianat kepada negara. Di saat negara kita melalui pelbagai cabaran seperti musim panas dan kemarau, musibah yang melanda pesawat MH 370 serta keadaan berjerebu, saya ingin mengajak Saudara dan Saudari untuk terus berdiri rapat menjadi benteng yang akan mempertahankan negara. Jangan jadi api dalam sekam atau gunting dalam lipatan. Malah teruskan perjuangan Saudara dan Saudari dalam apa juu bidang yang diceburi.**

**27. Percayalah, gabungan kepelbagaian generasi yang diadun dengan kolektif akan menjadi resepi mujarab yang akan membawa negara kita, Malaysia sebagai sebuah negara berprestasi tinggi dan dihormati oleh negara lain.**

## **PENUTUP**

**28. Akhir kalam, saya yakin dan percaya kita akan dapat mencari formula dan strategi terbaik dalam menguruskan jurang kepimpinan generasi kita. Dengan diversiti latar belakang dalam kalangan peserta, pasti banyak percambahan idea dalam sesi wacana seterusnya.**

**29. Saya telah menyaksikan kejayaan penganjuran program seumpama ini di INTAN Bukit Kiara pada bulan Januari yang lalu. Untuk memantapkan lagi wacana ini, kita harus lihat kepelbagaian generasi ini dari sudut yang positif bagi mencapai persefahaman supaya kita memiliki matlamat yang sama, saling bekerja dalam satu pasukan dan bersifat terbuka dalam mencapai matlamat tersebut. As long as there is a will, nothing is impossible. Saya berharap melalui program dan majlis seperti ini kita semua dapat break the ice**

**dan lebih senang memulakan jalinan kerjasama di masa hadapan supaya kita dapat bersama-sama mencipta pembaharuan dan melaksanakan transformasi.**

**30. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Wacana Transformasi Kepimpinan Muda. Selamat berwacana.**

**Sekian.                   Wabillahitaufik                   Walhidayah**  
**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**  
**Terima kasih.**